



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI**  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (29)  
Tarikh : 22 Februari 2022

**Semua Ibu Bapa / Penjaga**  
**Murid Tingkatan 1, 2, 3, dan 4**

SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, pihak sekolah perlu memastikan kelancaran proses pelaksanaan Ujian Mendengar Bahasa Melayu, Ujian Bertutur Bahasa Inggeris dan Ujian Bertulis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2021. Persediaan bagi pelaksanaan ujian ini melibatkan penggunaan banyak bilik darjah dan guru-guru juga terlibat sebagai pengawas peperiksaan. Pihak sekolah juga perlu memastikan persekitaran sekolah dalam keadaan selamat khususnya bagi calon SPM sebelum berlangsung peperiksaan.

3. Sehubungan dengan itu, semua murid Tingkatan 1, 2, 3 dan 4 Tahun 2021 akan **meneruskan PdPR pada 22, 23, 24, dan 25 Februari 2022 (Selasa – Jumaat)** bagi memastikan kelancaran proses pelaksanaan ujian berkenaan. Kaedah pelaksanaan PdPR adalah mengikut kesesuaian guru dan murid serta menggunakan jadual waktu sedia ada mengikut kelas masing-masing.

4. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk memastikan anak/anak jagaan masing-masing mengikut PdPR yang telah ditetapkan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

